

*Tentukan frasa nama yang digariskan dalam ayat-ayat berikut sama ada berfungsi sebagai subjek, prediket atau objek.*

1. Mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan diadakan di dewan sekolah pada petang nanti.
2. Kuala Lumpur ialah ibu negara Malaysia.
3. Guru yang baru bertukar itu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.
4. Kanak-kanak nakal itu membaling botol plastik.
5. Majlis kenduri kahwin itu diadakan secara besar-besaran.
6. Pasukan hoki kebangsaan telah menewaskan pasukan dari negara jiran.
7. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ialah Perdana Menteri Malaysia yang kelima.
8. Pelancong-pelancong dari luar negara mengkagumi keindahan dan keunikan budaya di Malaysia.
9. Setiap petang kami akan bermain sepak raga bulatan.
10. Ibu memasak sedangkan kakak asyik membaca surat khabar.